"Semua agensi bawah kementerian ini akan terus menggiatkan usaha bagi membendung kartel penyeludupan daging beku ini," katanya.



**Ronald melancarkan Tabung Akrab MAFI Care** *untuk membantu mangsa banjir selepas menyampaikan amanat di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Putrajaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/1/2021 | KOSMO | NEGARA | 16 |



**KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan akan membatalkan permit import kepada syarikat yang menyalahgunakan logo halal.** – GAMBAR HIASAN

# Permit batal jika import daging tanpa sijil halal

**Oleh AMREE AHMAD**

**PUTRAJAYA** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sedia membatalkan permit import (AP) syarikat yang didapati terlibat dalam kartel pengedaran daging sejuk beku tanpa sijil halal sah.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee menegaskan, pihaknya tidak akan bertolak ansur jika ada kakitangan kementerian itu sendiri yang terbabit dalam isu berkenaan.

"Kita tidak akan berkompromi sekiranya mendapati ada dalam kalangan warga kementerian ini sendiri yang terlibat selain akan membatalkan AP terhadap syarikat tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan Amanat Tahun 2021 dan melancarkan Kalam Antirasuah Kementerian itu di Wisma Tani di sini semalam.

Pada majlis berkenaan, beliau turut menyampaikan Sijil MS ISO 9001 : 2015 kementerian tersebut bagi tahun 2020 hingga 2023 dan juga melancarkan Tabung Akrab MAFI Prihatin.

Mengulas lanjut, Kiandee berkata, siasatan terperinci masih lagi dijalankan bagi mengenal pasti kakitangan kementerian itu yang terbabit dalam kartel berkenaan untuk diambil tindakan.

"Bagaimanapun, saya tidak boleh dedah sebab nanti ganggu siasatan, tetapi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang meneliti isu ini," jelas beliau.

Isu 'panas' itu mula tular selepas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) melakukan serbuan di sebuah gudang di Senai, Johor pada 1 Disember tahun lalu.

Operasi hasil risikan agensi itu menemui 1,500 tan daging bernilai RM30 juta yang diseludup dari Argentina, Brazil, China dan Ukraine dengan menggunakan sijil berlogo halal diragui.

Susulan itu, dua pengarah syarikat Raihanah Cold Storage Sdn. Bhd. ditahan dan didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada 30 Disember lalu di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Menyentuh tindakan ke atas syarikat terlibat, beliau memaklumkan bahawa pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DSV) turut menilai senarai semua pengimport daging sejuk beku.

Kiandee turut memberi jaminan bahawa pihak yang terlibat dalam isu kartel tersebut akan diambil tindakan segera dan tiada pihak akan terlepas bagi memulihkan keyakinan rakyat setelah isu itu terbongkar awal bulan lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/1/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Rundingan daging import

**Kerajaan, pengimport dan pengedar duduk semeja bincang isu kartel daging import haram**

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

**SHAH ALAM**

Kerajaan mengadakan rundingan meja bulat bersama pengimport dan pengedar daging serta produk daging sebagai salah satu usaha menyelesaikan isu kartel daging import haram di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, kerajaan memandang serius isu halal dan integriti dalam pengurusan halal.

"Dengan sokongan semua pihak, saya yakin usaha itu bakal menatijahkan penyelesaian terbaik untuk Malaysia, juga kepada rakyat negara ini khususnya umat Islam," katanya menerusi ciapan di Twitter pada Isnin.

Menurut Zulkifli, rundingan tersebut turut dihadiri wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Pada 2 Disember lalu, *Sinar Harian* berjaya membongkar taktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging berkenaan menggunakan logo halal dan menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia.

Operasi kartel daging sejuk beku itu dibongkar menerusi satu serbuan bersepadu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, Johor.




**Ciapan Zulkifli mengenai rundingan meja bulat bersama pengimport dan pengedar daging serta produk daging pada Isnin di akaun Twitter rasmi beliau.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/1/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 7 |

# MAFI tidak lindungi pegawai terlibat sindiket kartel daging

**PUTRAJAYA** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak akan melindungi mana-mana pegawai dan kakitangannya yang terlibat dalam kartel daging import haram.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pihaknya sedang menjalankan siasatan terperinci berhubung isu berkenaan.

"Saya sebagai menteri di kementerian ini tidak melindungi mana-mana warga MAFI yang terlibat," katanya kepada pemberita selepas Amanat Tahun 2021 di kementeriannya dekat sini pada Isnin.

Beliau mengulas mengenai tindakan terhadap kakitangan agensi MAFI yang dipercayai terlibat dengan kartel tersebut.

Sebelum ini, dua pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor direman lima hari bermula Khamis lalu selepas dipercayai dalam melindungi kegiatan kartel import daging haram.

Ditanya mengenai pembatalan Permit Import (AP) terhadap pemegang yang didapati berselindung dengan kartel daging import haram, beliau berkata, pihaknya akan berbuat demikian jika didapati terlibat.

"Pada peringkat ini, tiada pembatalan AP melibatkan mana-mana pihak (kerana) kita tahu beberapa agensi kerajaan sekarang melakukan siasatan.

"Sekiranya ada pemegang AP terlibat, kita tidak teragak-agak membatalkan lesennya," katanya.

Pada 2 Disember lalu, *Sinar Harian* membongkar taktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging tersebut dengan logo halal dan menjualnya ke pasaran Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/1/2021 | HARAKAH | ONLINE | |

# HAMPIR 2,000 TAN TEMBIKAI BAKAL DIEKSPORT KELANTAN




**BACHOK:** Jabatan Pertanian menjangkakan 1,961 tan buah tembikai berkualiti yang ditanam di Kelantan, akan dapat dieksport pada minggu akhir Februari hingga pertengahan Mei ini dengan nilai kontrak berjumlah RM3 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI) Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, jangkaan itu boleh dicapai menerusi memorandum persefahaman (MoU) '*Contract Grower*' yang ditandatangani antara pengusaha tanaman buah itu, dengan syarikat pemborong produk pertanian Beho Supply Sdn Bhd.

"MoU ini adalah perjanjian jual beli melibatkan tiga penjuru antara Jabatan Pertanian, pengeksport dan pengusaha tanaman tembikai di Kelantan, bagi tujuan pengeluaran dan pengeksportan buah tembikai berkualiti ke pasaran antarabangsa.

"Perjanjian ini melibatkan seramai 56 pengusaha tanaman tembikai dari enam daerah di negeri ini iaitu Bachok, Machang, Pasir Puteh, Tumpat, Kuala Krai dan Jeli, dengan keluasan tanah keseluruhan 78.45 hektar.

"Kelantan dipilih kerana mempunyai keluasan tanah yang cukup baik untuk mengusahakan tanaman tembikai, namun kementerian juga berharap inisiatif sebegini dapat diperluaskan di negeri-negeri lain," katanya kepada *Bernama* selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian berkenaan di sini hari ini.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian Eliyas Saad dan Pengarah Eksekutif Beho Supply Datuk Jamal Harizan Yang Razali.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata melalui kerjasama strategik ini, Beho Supply Sdn Bhd akan membeli hasil tanaman tembikai, dengan harga yang dipersetujui iaitu harga ladang RM1.80 sen sekilogram bagi gred A, B (RM1.60 sen) dan C (RM1.30 sen).

"Justeru, ia dapat memberi manfaat kepada setiap petani untuk mendapatkan harga ladang yang lebih baik dan meningkatkan hasil keluaran makanan yang selamat dan berkualiti.

"Petani juga mendapat latihan dan bimbingan secara berkala melalui Jabatan Pertanian, yang menjadi pemudah cara dengan menyediakan khidmat teknikal seperti pendekatan pengurusan perosak bersepadu (IPM), bagi memastikan kualiti hasil ladang memenuhi standard premium bagi tujuan eksport," tambah beliau. – **BERNAMA**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/1/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |




# HARGA MAKIN MAHAL, SAIZ MAKIN KECIL

*Trend kekurangan sumber kerang darah mungkin menyebabkan ia pupus jika tak diatasi segera*


Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my


**Sabak Bernam**

Tidak mustahil dalam tempoh dua tahun lagi hidangan istimewa char kuetiau kerang, kerang bakar, rendang kerang atau sambal kerang hanya 'tinggal nama' jika kepupusan spesies kerang darah (Tegillarca granosa) tidak diatasi.

Trend kemerosotan sumber makanan laut ini kian ketara apabila harga kerang darah semakin mahal manakala saiznya semakin mengecil berbanding beberapa dekad lalu.

Mengambil perbandingan 10 tahun lalu, sekilogram kerang boleh dibeli pada harga RM3 sekilogram namun kini harganya melangkau hingga RM18 sekilogram. Ia dianggap harga paling mahal dalam sejarah.

Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Selangor, Azimah Jumatli berkata, pihaknya menyedari isu ini dan keluhan pengguna susulan kenaikan harga kerang yang dianggap tidak munasabah.

Menurutnya, negeri Selangor pernah dikenali sebagai negeri yang banyak mengeluarkan hasil kerang berbanding negeri lain kira-kira 10 tahun lalu.

"Di negeri ini, ada tiga kawasan pengeluaran kerang dan terdapat banyak lot di Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Klang. Dahulu terdapat 10 lot di Klang namun yang aktif hanyalah dua sahaja kini.

"Keadaan sama juga di Jeram, Kuala Selangor apabila hanya enam lot sahaja yang aktif berbanding 40 lot sebelum ini.

"Bila kita tawarkan lot kerang ini kepada pengusaha, mereka datang semula kepada kami dan mengadu dasar *subtract* tidak sesuai dan tidak ideal untuk pembenihan kerang berikutan sudah keras," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, pihak Jabatan Perikanan mendapati *subtract* itu keras disebabkan pengurusan terdahulu yang tidak membuang kulit kerang yang sedia ada menyebabkan ia semakin berlapis-lapis dan mengeras.

"Akibatnya kawasan ternakan kerang itu tidak ada lagi 'lanyur' atau lumpur yang sesuai untuk pembesaran kerang. Ini adalah antara punca utama kesukaran kerang terus membiak.

"Di samping itu juga, mungkin berlaku perubahan muka bumi yang tidak boleh dielakkan dan



"Kami akan melakukan pemetaan semula untuk kawasan kerang di negeri ini"
Azimah

## 'Tak akan pupus tapi merosot dengan ketara'

**Sabak Bernam:** "Susah mahu menjangkakan sama ada kerang darah (*Tegillarca granosa*) mampu bertahan atau pupus beberapa tahun lagi. Namun saya akui saiznya semakin mengecil," ujar nelayan, Zulkanain Saidik, 30.

Menurutnya, saiz kerang ditangkap tidak lagi seperti dua dekad lalu dan kian sukar diperoleh.

"Selama 15 tahun menjadi nelayan, saya lihat haiwan bercengkerang ini keluar dari habitatnya secara semula jadi. Ia adalah rezeki dari Allah SWT dan ia bukan dibela nelayan.

"Bagi saya, tidak mungkin kerang akan pupus sepenuhnya namun ia akan mengalami kemerosotan ketara susulan faktor cuaca dan air laut," katanya ketika ditemui di Jeti Kampung Sungai Haji Dorani, Sungai Besar di sini.

Tambahnya lagi, penggunaan alatan moden seperti 'rotor' yang diperkenalkan 10 tahun lalu memudahkan nelayan untuk mencari kerang yang berada di 'lanyur' atau lumpur di persisir pantai.

**10**
tahun lalu alatan moden seperti 'rotor' diperkenalkan

Katanya, kaedah tradisional menangguk dan menongkah tidak dilupakan sama sekali walaupun kehadiran alatan moden itu dilihat memberi banyak manfaat kepada golongan nelayan.

"Dulu, kaedah tradisional untuk mencari kerang mengambil masa yang lama sehingga berjam-jam selain perlu peka bila air pasang dan surut serta cuaca tidak menentu.

"Namun, dengan adanya 'rotor' ini, nelayan boleh mencari kerang tidak kira waktu dan sedikit sebanyak menambah hasil pendapatan," katanya.

Sementara itu, rakannya, Muhammad Adib Afnan, 28, berkata, perairan pantai berkenaan adalah lokasi sesuai untuk pembiakan kerang berikutan ia berlumpur.

Namun dia mendakwa, saiz kerang ketika ini tidak menentu.

"Ada peniaga nak kerang 140 biji bagi satu kilogram. Malah, ada juga yang mahu 140 biji di bawah satu kilogram. Apa pun, kita cuba penuhi apa yang peniaga perlukan," katanya.

Bagaimanapun, Muhammad Adib berharap tiada pihak mengambil kesempatan ke atas golongan nelayan yang berhempas-pulas membawa pulang hidupan itu ke darat.

"Ramai orang tidak tahu nelayan berdepan dengan pelbagai risiko. Beberapa bulan lalu, salah seorang rakan kami meninggal dunia selepas terjatuh dari sampan ketika mencari kerang.

"Moga haiwan



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/1/2021 | SINAR HARIAN | BISNES | 22 |

# Tiga anak oku usahakan tanaman cili

Hasil tanaman pertama sebanyak 150 kg cili merah habis dijual kepada pemborong

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR

Percubaan menanam sebanyak 400 pokok cili merah telah membuahkan hasil apabila sebuah keluarga di Kampung Tanjung Besar, Mukim Kubang Rotan dekat sini telah memperolehi hasil sebanyak 150 kilogram (kg) sebelum habis dijual kepada pemborong dan juga di pasar Kubang Rotan dan Pasar Borong di Alor Setar.

Mohd Dom Abd Rahim, 58 berkata, melihat kepada pasaran dan permintaan yang cukup tinggi, dia telah menanam sebanyak 600 pokok cili merah bagi pusingan kedua dan sudah ada pemborong yang telah menempah daripadanya.

Menurutnya, bagi keluaran hasil seterusnya sebanyak lebih 200 kg cili merah disasarkan dan sepanjang pengurusan harian tanaman tersebut dia dibantu oleh tiga anak lelakinya.

"Saya dibantu tiga anak yang mengalami masalah pembelajaran (oku) iaitu Mohd Fazli, 36, Mohd Firdaus, 30 dan Mohd Fuad, 25. Walaupun mereka lemah dalam akademik namun masih mampu diharapkan dalam bidang kemahiran seperti pertanian ini.

"Dalam penanaman cili ini, saya menggunakan kaedah fertigasi. Proses penjagaan oleh anak-anak bermula seawal jam 7 pagi sambil dipantau oleh saya sendiri.

"Mereka dilihat sudah mampu untuk menguruskan tanaman cili ini walaupun masih belum sepenuhnya. Namun sekurang-kurangnya mereka sudah mempunyai kemahiran dalam tanaman cili merah berskala besar ini," katanya kepada Sinar Harian semasa ditemui di rumahnya baru-baru ini.



Mohd Fazli (kiri) dan Mohd Fuad menunjukkan hasil tanaman halia yang sudahpun ditempah oleh pelanggan.



Mohd Firdaus (kanan) dan ibunya, Saripah Hashim, 57 semasa mengambil hasil cili merah daripada percubaan pertama mereka sebelum ini.

Mohd Dom berkata, dia kini dalam perancangan untuk menambah kira-kira 600 pokok cili merah lagi bagi pusingan ketiga di sekitar kawasan rumahnya yang berkeluasan kira-kira satu hektar.

"Ada cili merah yang telah ditempah walaupun buah masih ada di pokok. Disebabkan permintaan yang tidak putus-putus ini menyebabkan saya mahu menambahkan lagi jumlah pokok cili ini. Harga pasaran pun kini mencecah RM30 sekilogram.



Dari kiri Mohd Dom, Mohd Fuad, Mohd Fazli dan Mohd Firdaus di tapak tanaman cili merah di tepi rumah mereka di Kampung Tanjung Besar, Mukim Kubang Rotan, Alor Setar.

"Saya membesarkan lagi tanaman cili ini di sekitar rumah kerana anak-anak boleh memantau dari semasa ke semasa. Jika ada pihak seperti Jabatan Pertanian yang sudi membantu dan memberikan geran, saya sangat mengalu-alukan. Tiga anak saya ini juga boleh mendapat manfaat dan kemahiran untuk perancangan masa depan mereka," katanya lagi.

Jelasnya, tiga lagi anaknya iaitu Mohd Faizal, 38 kini bekerja sebagai tentera, Mohd Faizol, 33, bekerja sebagai polis dan Siti Zulaikha, 20 sebagai kerani turut memberikan sokongan kepada tiga adik-beradiknya lagi dalam bidang pertanian.

Mengulas mengenai idea penanaman cili merah itu, Mohd Dom berkata, dia mendapat sokongan daripada rakan-rakannya yang juga mempunyai minat yang sama dalam bidang pertanian.

"Idea ini dapat selepas melihat rakan yang juga pesara Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menanam pokok cili ini. Saya belajar dan ambil ilmu darinya sedikit demi sedikit.

"Selepas yakin, dengan bermodalkan kira-kira RM2,000 barulah saya mula menanam cili ini tapi saya masih lagi membaiki teknik tanaman untuk mendapatkan hasil yang lebih memuaskan.

"Tempoh bagi setiap tanaman adalah selama tiga bulan bermula semaian sehinggalah memetik cili merah," jelasnya.

Tambahnya, bidang pertanian tidak asing kepada dia dan keluarga kerana sebelum ini telahpun menanam pelbagai pokok tanaman dan sayur-sayuran seperti cili padi, terung, halia, tebu, limau kasturi, pokok nipah dan banyak lagi.

"Halia kali pertama dituai dan telah dapat hasil kira-kira 25 kg. Sudah ada pemborong yang menempahnya," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/1/2021 | KOSMO | NEGARA | 17 |

# Bekas pegawai eksekutif jadi penternak madu kelulut

**PONTIAN** – Mula membeli sarang madu kelulut pada harga RM700 sebuah hanya untuk suka-suka, akhirnya menjadi satu perusahaan kecil-kecilan selepas bersara sebagai pegawai eksekutif syarikat minyak dan gas.

Itu yang dilalui Zainuddin Jusoh, 58, yang menjalankan usaha penternakan lebah kelulut di bawah pohon kelapa sejak 2018 dan kini mempunyai 58 buah sarang dengan menjadikan mayang kelapa dan bunga air mata pengantin sebagai sumber makanan.

Katanya, menternak lebah kelulut tidak memerlukan kos penjagaan kerana pokok-pokok yang berada di sekeliling merupakan sumber makanan yang baik bagi mengeluarkan madu kelulut bila tiba masanya.

"Selain pembacaan di internet, saya juga belajar daripada penternak lebah kelulut yang lain bagi menambah perkara-perkara berkaitan yang tidak diketahuinya.

"Saya juga dibantu oleh abang saya, Ismail, bekas pesara Jabatan Pengairan dan Saliran termasuk membuat sarang baharu jika tambahan lebah kelulut yang memerlukan rumah yang baharu," jelasnya.

Zainuddin berkata, bagi setiap koloni mampu menempatkan kira-kira 300 hingga 400 ekor bergantung kepada keluasan sesebuah koloni yang dibuat bagi memudahkan kerja-kerja mengeluarkan madu apabila sampai masa dituai.



**ZAINUDDIN menunjukkan madu kelulut yang boleh dituai dari 'lock' di Kampung Ayer Baloi, di Pontian baru-baru ini.**

Katanya, madu kelulut dijual pada harga RM300 bagi satu kilogram (kg) atau RM150 bagi setengah kg dan 200 gram pada harga RM80 hingga RM100 dengan tempahan dari pelbagai tempat.

Kebiasaannya madu tersebut ditempah dari kawasan Benut, Ayer Baloi, Gelang Patah, Batu Pahat, Johor Bahru dan sebagainya yang membuat tempahan lebih awal bagi mendapatkan madu kelulut yang dikehendaki.

"Satu peralatan khas dibeli bagi mengeluarkan madu kelulut dari 'lock' sebelum dibungkus atau dibotolkan mengikut kadar timbangan yang telah ditempah oleh para pembeli," kata Zainuddin lagi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/1/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 21 |

# Rancak kongsi ilmu pertanian di media sosial



THINES menunjukkan videonya di aplikasi TikTok.

**Kuala Lumpur:** Jika individu lain cenderung memuat naik perkongsian berkaitan tip memasak atau solekan, lain pula bagi K Thines, 20, yang aktif berkongsi ilmu pertanian dengan pengikutnya di laman sosial.

Bermula sebagai Youtuber pada Julai 2019, Thines cuba mengumpul pengikut di TikTok pula tahun lalu dengan aktif memuat naik video di platform berkenaan.

Percubaannya berhasil apabila dapat mengumpul 24,800 pengikut di TikTok dengan salah satu video dimuat naiknya yakni berkaitan ikan Pacu meraih 904,000 tontonan sehingga kini.

Bercerita lanjut, Thines yang juga penuntut Diploma Agroindustri Ternakan Poltri Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan, Perak berkata, niatnya memuat naik video di Youtube dan TikTok untuk berkongsi pengetahuan dalam bidang pertanian serta berkaitan dengannya.

"Ayah saya pemandu traktor yang mempunyai kolam ikan dan ladang kelapa sawit.

"Dulu saya selalu mengikut ayah ke kolam untuk memancing dan dua tahun lalu, ayah dapat membina ladang ternakan ayam.

"Pendedahan awal itu menyebabkan timbulnya minat hingga mendorong saya menyambung pengajian di kolej vokasional dan kini, saya mahu berkongsi ilmu dengan pengikut bagi menarik minat mereka terhadap pertanian serta cabang berkaitan," katanya.

Thines berkata, antara video terawal dimuat naiknya di Youtube adalah berkaitan cara ternakan ayam menggunakan inkubator.

"Video di Youtube dimuat naik pula di TikTok selepas aktif di platform itu.

"Awalnya, rakaman dan lagu selingan dalam video dimuat naik dalam bahasa Tamil.

"Namun, saya ubah pendekatan dengan rakam video dan bertutur dalam bahasa Melayu. Tanpa disangka, video itu menarik minat ramai warganet hingga meraih tontonan tinggi dan mengumpul 20,000 pengikut dalam masa beberapa jam saja," katanya yang menetap di Taman Elok Air Kuning, Tapah, Perak.

Lebih mengharukan apabila ada yang memuji kefasihannya berbahasa Melayu dalam video berkenaan.

"Banyak komen diterima ketika itu hingga saya tidak dapat membalasnya dan paling seronok apabila pengikut menunjukkan minat mengetahui lebih lanjut mengenai sesuatu perkongsian misalnya berkaitan ikan Pacu.

"Maklum balas positif itu memberi semangat untuk merakam dan memuat naik lebih banyak video menarik.

"Buat masa ini,saya manfaatkan masa lapang untuk melakukan rakaman dengan bantuan seorang rakan dan suntingan," katanya.

Selain menghabiskan pengajian diploma, Thines bercadang mempelbagaikan kandungan video di Youtube dan TikTok.

Di samping itu, dia berhasrat menyambung pengajian peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang ternakan ayam dan ikan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/1/2021 | KOSMO | KOMUNITI KITA | 32 |


# KRT Benut Selatan, Utara ganding bahu jayakan tanaman cili centil fertigasi

**PERUNTUKAN.** Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Benut Selatan dan Benut Utara, Pontian berganding bahu menjayakan Projek Pertanian Bandar menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Pengerusi KRT Benut Selatan, Yahya Ayub berkata, pihaknya menerima peruntukan sebanyak RM3,000 daripada Majlis Daerah Pontian bagi tujuan penanaman 180 pokok cili centil secara fertigasi.

Kawasan KRT Benut Selatan dan Benut Utara melibatkan empat taman perumahan iaitu Taman Benut Jaya, Taman Sri Mahkota, Taman Murni dan Taman Harta Benut dengan anggaran kira-kira 1,500 penduduk.

Program itu turut melibatkan KRT lain di Pontian membabitkan Taman Utama, Pekan Nanas A/B/C, Taman Impian, Taman Mutiara, Taman Saujana, Taman Warisan, Taman Anggerik dan Taman Sri Api-Api.



YAHYA (dua dari kiri) menunjukkan tanda bagus selepas menjayakan Projek Pertanian Bandar di Benut, Pontian, Johor baru-baru ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/1/2021 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA TANI | 24 |



ADUN Sungai Ramal, Mazwan Johar (dua kanan) melawat kebun komuniti penduduk selepas majlis perasmian Kebun Komuniti Seksyen 8 Prima di Bandar Baru Bangi, Selangor, baru-baru ini. Pengerusi Penduduk Seksyen 8 Prima, Mohd. Safuan Radzali (tiga kanan). - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA



"Kami juga mahu menolong penduduk kurang berkemampuan untuk mendapatkan produk tani pada harga murah menerusi program Laman Dapur tanpa perlu ada orang tengah"

MOHD. SAFUAN



MAZWAN Johar (duduk kanan) melakukan gimik melepaskan ikan di kolam sebagai simbolik perasmian dalam majlis perasmian Kebun Komuniti Seksyen 8 Prima di Bandar Baru Bangi.

# Kebun sayur ur

Oleh AMREE AHMAD
gayautusan@mediamulia.com.my

BAYANGKANLAH sudut kecil padang permainan kanak-kanak yang subur dipenuhi dengan kacang buncis, cili padi, peria, kangkung, kailan, timun Jepun, tomato dan kacang panjang

Bukan sahaja 'meriah' batas pelbagai jenis sayur-sayuran, malah sebuah kolam kecil ternakan ikan air tawar turut terdapat di tepi kawasan padang rekreasi awam seluas empat hektar itu.

Bagaimanapun, ia bukan hasil kerja bersendirian. Sebaliknya usaha bersama ribuan warga perumahan Seksyen 8 Prima di Bandar Baru Bangi, Selangor yang bermula akhir Ogos lalu.

"Ia tercetus apabila ramai penduduk kerja dari rumah susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," kata pesara swasta yang juga Pengarah Projek Kebun Komuniti, Mohd. Said Jaafar.

Justeru ujarnya, mesyuarat kali pertama awal Julai lalu menyaksikan penubuhan Biro Kebun Komuniti dan disertai 80 ahli sebelum mendapat kelulusan dari Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

Pihak berkuasa tempatan itu bahkan mengizinkan Persatuan Komuniti Seksyen 8 Prima yang dipengerusikan Mohd. Safuan Radzali bagi mengusahakan satu perlima



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/1/2021 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA TANI | 25 |

# ...nik dijana komuniti

zon padang tersebut.

"Kebetulan lokasinya terletak strategik di tengah perumahan ini dan kami mula gotong-royong sebulan kemudian dengan inisiatif dana sendiri," jelas Mohd. Said yang kini berusia 60 tahun.



" Kebetulan lokasinya terletak strategik di tengah perumahan ini dan kami mula gotong-royong sebulan kemudian dengan inisiatif dana sendiri "



MOHD. SAID JAAFAR



ORANG ramai mengunjungi program Kebun Komuniti Seksyen 8 pada majlis perasmian Kebun Komuniti Seksyen 8 Prima di Bandar Baru Bangi, baru-baru ini.

## Usahakan tanaman kontan, jual lebih murah

MEREKA memilih tanaman jenis kontan dan komersial kerana ia mudah ditanam serta hasilnya cepat dituai untuk dijual kepada para penduduk dengan harga lebih murah daripada pasaran.

Selain itu kata **Mohd. Said**, beberapa pokok buah antaranya rambutan dan nanas turut ditanam di lereng padang berkenaan menerusi kaedah pertanian moden bagi mengisi kawasan lapang.

Usaha gigih mereka turut menarik perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Ramal, Mazwan Johar yang sudi hadir merasmikan kebun komuniti itu sambil meninjau tapak di situ, baru-baru ini.

Beliau turut berjanji sedia menyalurkan bantuan kewangan dan meluahkan rasa syukur dek projek itu turut dilawati Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat bagi memberi khidmat nasihat.

Kobuniti erat hubungan

Dalam pada itu, **Mohd. Safuan**, 56, ketika ditemui berkata, seksyen itu yang dibuka awal 2003 lalu mengandungi lima fasa dan merupakan perumahan teres terbesar di Bandar Baru Bangi.

Dengan 645 unit kediaman dan lebih 3,000 penduduk, kebun komuniti itu bukan sekadar 'ajak' mereka bertani, malah mengeratkan perhubungan masyarakat dan amalan gaya hidup sihat.

"Kami juga mahu menolong penduduk kurang berkemampuan untuk mendapatkan produk tani pada harga murah menerusi program Laman Dapur tanpa perlu ada orang tengah," katanya.

Beliau yang bertugas sebagai Pengarah Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) berkata, beberapa pihak luar turut berminat menjadi rakan strategik antaranya Nas Agro Farm.

Ini membolehkan kebun komuniti tersebut dapat menanam cendawan bermutu tinggi dengan kerjasama syarikat terkenal berpusat di Sepang, Selangor itu dan dipasarkan ke seluruh negara.

"Persatuan ini berharap, jika aktiviti kebun komuniti berjaya, kami dapat mewujudkan platform e-dagang tersendiri bagi jual segala hasil tani dengan lebih luas lagi," tambah Mohd. Safuan.